

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN  
PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN  
AWAM BAGI BULAN APRIL 2013**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan dan perundangan di bawah undang-undang kesihatan demi kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan April 2013, berikut dimaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam.

1. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit Demam Denggi, sejumlah 1,367 tawaran kompaun bernilai RM 683,500.00 telah dikeluarkan dengan nilai purata RM 500.00 tiap kompaun. Sejumlah 195 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 63 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM 29,600.00. Terdapat 1 kes di negeri Perak di mana nilai denda maksima yang dikenakan adalah berjumlah RM550.00 bagi kesalahan di bawah Seksyen 13(1) APSP 1975 iaitu membiarkan premis berkenaan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Manakala bagi tempoh Januari sehingga April 2013, jumlah keseluruhan kompaun yang ditawarkan adalah sebanyak 4,916 dengan nilai RM 2,458,000.00. Sejumlah 620 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama 209 kes telah disabitkan kesalahan dengan nilai denda berjumlah RM 105,330.00

2. Melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, daripada 6,343 lawatan pemeriksaan yang dijalankan sejumlah 2,543 notis kesalahan dikeluarkan. Sebanyak 1,479 kompaun telah ditawarkan dengan nilai tawaran berjumlah RM 306,400.00. Nilai denda maksima yang dikenakan adalah sebanyak RM 1,500.00 bagi 1 kes di Pulau Pinang. Kesalahan adalah di bawah Per. 15(1)(a) PPKHT 2004 iaitu gagal mempamerkan amaran kesihatan bergambar. Bagi tempoh Januari sehingga April 2013, sejumlah 11,513 notis kesalahan telah dikeluarkan dan dalam masa yang sama sebanyak 5,961 kompaun kesalahan telah ditawarkan dengan nilai RM 1,292,930.00.
3. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983, sebanyak 9,832 premis makanan telah diperiksa. Jumlah premis makanan yang diberi perintah penutupan sementara di bawah Sek.11, Akta Makanan 1983 adalah 123 premis iaitu 1.25% daripada keseluruhan premis makanan yang diperiksa. Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan.

Adalah dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

Sekian dan terima kasih.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

31 Mei 2013